

# Penganggur pukul bapa dipenjara lapan tahun, dikenakan 10 sebatan

**KUCHING:** Seorang penganggur lelaki dijatuhi hukuman penjara lapan tahun dan dikenakan 10 sebatan di Mahkamah Sesyen di sini, semalam akibat memukul bapanya menggunakan sebatang besi.

Hukuman itu dijatuahkan oleh Zuraidah Zakaria terhadap Mohamad Khairul Azain, 23, yang mengaku bersalah di bawah Seksyen 324 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 326 kanun sama.

Seksyen berkenaan memperuntukkan hukuman penjara sehingga 10 tahun atau denda atau sebatan jika sabit kesalahan.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu terhadap ayahnya yang berusia 51 tahun dalam satu kejadian di sebuah rumah di Jalan Pending di sini pada 7 September 2025, sekitar jam 11 malam.

Berdasarkan fakta kes, tertuduh menyerang bapanya dengan memukul mangsa menggunakan sebatang besi di bahagian muka dan kaki kanan sehingga mangsa tidak sedarkan diri.

Tertuduh yang diketahui mempunyai sifat marah dan tidak suka ditegur, bertindak secara ganas apabila bapanya mempersoalkan mengenai barang miliknya yang telah dijual oleh tertuduh.

Susulan kejadian itu, bapanya cedera parah di bahagian keping kanan, selain lebam pada kiri muka dan kaki kanan.

Laporan polis dibuat dan tertuduh ditangkap pada 9 September 2025.

Difahamkan, tertuduh mempunyai rekod jenayah lampau membabitkan kes mencederakan orang dan ugutan jenayah.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya



**DIPENJARA:** Tertuduh (kiri) diiring polis di Mahkamah Kuching semalam.

Mohamad Aiman Mutallib  
Mohamad Shariff sementara

tertuduh tidak diwakili peguambela.